

TARIKH	AHAD, 2 JANUARI 2022
AKHBAR	KOSMO
TAJUK ARTIKEL	PENJAWAT AWAM, PERLU LEBIH PROAKTIF
M/S	7
BIDANG	CIVIL SERVICES
KATA KUNCI	CIVIL SERVICES

Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan terbaik diberikan kepada rakyat

Penjawat awam perlu lebih proaktif

Oleh EDDY HAMIDI

PUTRAJAYA – Semua anggota perkhidmatan awam diseru untuk sentiasa bersikap proaktif dan responsif dalam memastikan penyampaian perkhidmatan terbaik terhadap keperluan semasa rakyat dan negara.

Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd. Zuki Ali berkata, kerjasama kukuh, kesefahaman yang jitu dan sokongan rentas agensi dengan mengetepikan kepentingan individu serta ego adalah ramuan utama kejayaan.

Ia katanya, bagi memastikan penyampaian perkhidmatan terbaik dapat diberikan.

“Episod suka dan duka sepanjang 2021 memberikan pengajaran, pengalaman berharga dan peluang menilai kesiapsiagaan negara dalam merencana strategi untuk mengimbangi antara kepentingan nyawa serta kelangsungan hidup rakyat.

“Semua itu akan menjadi cerminan kepada keberkesanan



SETIAP penjawat awam memikul amanah yang besar bagi memastikan negara terus berdaya maju bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat. – GAMBAR HIASAN

dasar, kelancaran pelaksanaan operasi, kesefahaman dan kesatuan jentera kerajaan dalam menghadapi sebarang cabaran mendatang,” katanya menerusi ucapan amanat tahun baharu

2022 semalam.

Katanya, walaupun negara mungkin belum berjaya sepenuhnya dan tidak sempurna, namun anggota perkhidmatan awam diharapkan sentiasa teguh

dalam menggalas amanah dan tanggungjawab demi negara.

Jelasnya, usaha memerangi penularan wabak Covid-19 yang berterusan sejak tahun 2020 sehingga proklamasi darurat ter-

paksa diisytiharkan dan Perintah Kawalan Pergerakan dikuatkuasakan memberikan kesan ekonomi dan sosial yang sedikit sebanyak mengganggu perancangan dan pembangunan negara.

“Namun berkat kesepakatan dalam sinergi mantap untuk mengimbangi antara kepentingan nyawa serta kelangsungan hidup rakyat, Pelan Pemulihan Ekonomi komprehensif dan inklusif yang dilaksanakan merangkumi lapan pakej rangsangan berjumlah lebih RM530 bilion membantu kelangsungan perniagaan serta kesejahteraan.

“Begitu juga dengan pelaksanaan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan dalam memastikan setiap rakyat mendapat akses kepada vaksinasi,” ujar beliau.

Mohd. Zuki berkata, negara kemudian menyaksikan sekali lagi peralihan kepimpinan negara dalam penggal sama secara tertib dan teratur penuh berhemah mengikut lunas undang-undang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

DISEDIAKAN OLEH

1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
2-M.HAFIDZUDIN (S19), BPM
UNIT PERPUSTAKAAN, BPM